

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL TERAPI
SENI *BRIEF* FOKUS PENYELESAIAN
TERHADAP PENYESUAIAN PELAJAR DI
INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

TENGGU NORHANI BINTI TENGGU BESAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL TERAPI
SENI *BRIEF* FOKUS PENYELESAIAN
TERHADAP PENYESUAIAN PELAJAR DI
INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

oleh

TENGGU NORHANI BINTI TENGGU BESAR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2022

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kajian ilmiah ini dapat disempurnakan.

Ucapan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan didedikasikan khas kepada Penyelia utama saya, Prof. Madya Dr. Nor Shafrin binti Ahmad atas segala ilmu, bimbingan, dan dorongan yang tidak jemu-jemu sepanjang perjuangan menuntut ilmu ini sehingga kajian ini dapat direalisasikan. Jasa baik dan keprihatinan beliau membimbing sehingga kajian ini disiapkan amatlah saya hargai. Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Shahabuddin bin Hashim selaku penyelia bersama yang turut mencurahkan ilmu, membimbing dan memberikan sokongan dalam perjalanan menuntut ilmu ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan seluruh warganya yang telah membantu menjayakan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi idea dan bantuan. Jutaan terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan atas peluang yang diberikan kepada saya melanjutkan pengajian.

Akhir sekali penghargaan kepada bonda tercinta, Che Dah binti Hassan dan adinda tersayang Nurul Najwa binti Ahmad yang sentiasa memberi sokongan, pertolongan, pengorbanan dan kasih sayang sepanjang perjalanan menuntut ilmu ini. Buat Allahyarham ayahanda Tengku Besar bin Tengku Sulaiman, semoga Allah ganjarkan pahala atas segala pengorbanan, kebaikan dan kasih sayang yang telah dicurahkan. Terima kasih juga kepada Mohamad Hafedz bin Salleh yang sentiasa menyokong segala usaha.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xxi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian.....	13
1.4.1 Objektif Umum	13
1.4.2 Objektif Khusus	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian.....	15
1.7 Rasional Kajian	15
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.9 Definisi Konsep dan Operasi Pemboleh Ubah Dalam Kajian	18
1.9.1 Modul	18
1.9.2 Terapi Seni	19
1.9.3 Terapi <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian.....	20
1.9.4 Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian	20
1.9.5 Penyesuaian Pelajar	21

1.9.6	Pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia	23
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.11	Batasan Kajian	24
1.12	Kesimpulan	25
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	26
2.1	Pendahuluan	26
2.2	Cabaran Penyesuaian Pelajar Tahun Pertama di IPG	27
2.3	Penyesuaian Pelajar	30
2.3.1	Definisi Penyesuaian Pelajar.....	30
2.3.2	Dimensi Penyesuaian Pelajar	32
2.3.3	Faktor Yang Mempengaruhi Penyesuaian Pelajar	34
2.3.4	Penyesuaian dan Transisi	38
2.4	Kajian-Kajian Penyesuaian Pelajar	40
2.5	Kajian-Kajian Berkaitan Pembinaan, Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul.....	47
2.6	Terapi <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian.....	52
2.6.1	Pengenalan Teori <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian	53
2.6.2	Peranan Kaunselor Terapi <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian	57
2.6.3	Teknik Terapi <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian	59
2.6.4	Kaunseling Kelompok Terapi <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian	62
2.7	Kajian-Kajian Terapi <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian Terhadap Penyesuaian Pelajar	66
2.8	Terapi Seni	69
2.8.1	Perkembangan Terapi Seni	70
2.8.2	Bahan dan Media Terapi Seni	72
2.9	Kajian-Kajian Terapi Seni Terhadap Penyesuaian Pelajar	74
2.10	Kerangka Teori	77
2.10.1	Konsep Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian	77

2.10.2	Model Penyesuaian Pelajar Baker dan Siryk (1984)	83
2.10.3	Teori Transisi Schlossberg (1981)	86
2.11	Kesimpulan	93
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	94
3.1	Pengenalan	94
3.2	Reka Bentuk Kajian	94
3.3	Kawalan Terhadap Ancaman Kesahan Dalaman dan Luaran	98
3.4	Lokasi Kajian	106
3.5	Persampelan Kajian	107
3.6	Instrumen Kajian	110
3.6.1	Instrumen Data Kuantitatif	111
3.6.2	Instrumen Data Kualitatif	116
3.6.2(a)	Kesahan Soalan Temu Bual	117
3.6.2(b)	Pentadbiran Instrumen Temu Bual	118
3.7	Kajian Rintis Instrumen Kajian	118
3.8	Prosedur Kajian	120
3.8.1	Fasa Pertama	121
3.8.2	Fasa Kedua	121
3.8.3	Fasa Ketiga	122
3.8.4	Fasa Keempat	122
3.8.4(a)	Peringkat Penilaian Awal	123
3.8.4(b)	Peringkat Intervensi	124
3.8.4(c)	Peringkat Penilaian Akhir	125
3.8.5	Fasa Kelima	125
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	125
3.9.1	Fasa 1: Pengumpulan Data Kuantitatif	126
3.9.2	Fasa 2: Pengumpulan Data Kualitatif	127

3.10	Triangulasi Data.....	130
3.11	Penganalisan Data	135
	3.11.1 Data Kuantitatif.....	135
	3.11.1(a) Pengujian Kenormalan Data	136
	3.11.2 Data Kualitatif.....	138
3.12	Kesimpulan	140
BAB 4 PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL		141
4.1	Pendahuluan.....	141
4.2	Pengenalan Modul	141
4.3	Asas Teoritikal Pembinaan Modul.....	143
4.4	Pembinaan Modul	146
	4.4.1 Pembinaan Modul Peringkat I: Menyediakan Draf Modul.....	148
	4.4.2 Pembinaan Modul Peringkat II:Mencuba dan Menilai Modul	151
4.5	Modul Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian.....	152
	4.5.1 Konsep Modul.....	152
	4.5.2 Objektif Modul.....	152
	4.5.3 Kumpulan Sasaran	153
	4.5.4 Keperluan Alatan Dan Bahan	153
	4.5.5 Tempoh Pelaksanaan Modul.....	153
	4.5.6 Pengendali Modul	154
	4.5.7 Peranan Pengendali Modul	154
	4.5.8 Aktiviti Modul	156
	4.5.9 Kerangka Kandungan Modul.....	163
	4.5.10 Justifikasi Pemilihan Aktiviti Terapi Seni Dalam Pembinaan Modul Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian.....	164
4.6	Kesimpulan	168

BAB 5	DAPATAN KAJIAN.....	169
5.1	Pendahuluan	169
5.2	Dapatan Kajian Pembinaan Modul	171
5.2.1	Kesahan Modul	171
5.2.2	Kebolehpercayaan Modul	177
5.3	Profil Penyesuaian Peserta Kajian	179
5.4	Dapatan Kajian Data Kuantitatif.....	181
5.4.1	Pengujian Hipotesis	181
5.4.2	Analisis Homogeniti	181
5.4.3	Hipotesis 1	183
5.4.4	Hipotesis 2	185
5.4.5	Hipotesis 3	187
5.5	Dapatan Kajian Data Kualitatif.....	188
5.5.1	Pengalaman pelajar mengikuti sesi Modul Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian.....	189
5.5.1(a)	Tema: Sesi dan aktiviti.....	190
5.5.1(b)	Tema: Emosi	194
5.5.2	Tema Dan Imej Pengalaman Penyesuaian Pelajar Yang Terjelma Melalui Hasil Seni Yang Dikumpul Sepanjang Sesi Mengikuti Modul Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian	196
5.5.2(a)	Tema: Akademik.....	199
5.5.2(b)	Tema: Sosial.....	208
5.5.2(c)	Tema: Emosi	216
5.5.2(d)	Tema: Peribadi	230
5.5.2(e)	Tema: Minat	233
5.5.3	Pola dan Imej Peningkatan Penyesuaian Pelajar.....	236
5.5.3(a)	Tema: Kekuatan Diri.....	238
5.5.3(b)	Tema: Sumber Sokongan	244
5.5.3(c)	Tema: Pembentukan Strategi	249

5.6	Kesimpulan	271
BAB 6 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		272
6.1	Pengenalan	272
6.2	Ringkasan Dapatan Kajian.....	272
6.3	Perbincangan.....	276
6.3.1	Pembinaan Modul	276
6.3.2	Kesan Modul Terhadap Penyesuaian Pelajar Tahun Pertama PPISMP di IPG	279
6.3.3	Pengalaman Pelajar Mengikuti Modul.....	284
6.3.3(a)	Sesi dan aktiviti	284
6.3.3(b)	Tema kedua: Emosi.....	289
6.3.4	Tema dan Imej Pengalaman Penyesuaian Pelajar.....	290
6.3.4(a)	Akademik	290
6.3.4(b)	Sosial	294
6.3.4(c)	Emosi.....	296
6.3.4(d)	Peribadi	300
6.3.4(e)	Minat	301
6.3.5	Pola Peningkatan Penyesuaian Pelajar.....	302
6.3.5(a)	Kekuatan Diri	303
6.3.5(b)	Sumber Sokongan	304
6.3.5(c)	Pembentukan Strategi.....	306
6.4	Rumusan Kajian.....	312
6.5	Implikasi Dapatan Kajian	314
6.5.1	Implikasi Terhadap Teori.....	314
6.5.2	Implikasi Terhadap Amalan.....	317
6.5.2(a)	Implikasi Terhadap Pelajar Berpenyesuaian Rendah.....	317
6.5.2(b)	Implikasi Terhadap Kaunselor	319

6.5.2(c)	Implikasi Terhadap Institut Pendidikan Guru Malaysia	321
6.5.2(d)	Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia	322
6.6	Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan	324
6.7	Kesimpulan	325
RUJUKAN		327

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Tahap penyesuaian pelajar PPISMP di 14 buah IPG (Tengku Norhani et al, 2020).....	6
Jadual 2.1 Faktor Terapeutik bagi Intervensi Kelompok Terapi Brief Fokus Penyelesaian berbanding dengan Faktor Terapeutik Kaunseling Kelompok Yalom (Sharry, 2001)	63
Jadual 2.2 Dimensi Penyesuaian Pelajar Universiti	83
Jadual 3.1 Reka bentuk eksperimen kuasi kumpulan kawalan tidak setara	97
Jadual 3.2 Ancaman terhadap kesahan dalaman dan kaedah pengawalan	101
Jadual 3.3 Ancaman terhadap Kesahan Luaran dan Kaedah Pengawalan	105
Jadual 3.4 Taburan pelajar PPISMP di Kampus IPG Zon Utara Ambilan Jun 2019	108
Jadual 3.5 Item positif dan item negatif Soal Selidik Adaptasi Pelajar (Baker & Siryk, 1999).....	111
Jadual 3.6 Dimensi Penyesuaian	112
Jadual 3.7 Tahap penyesuaian keseluruhan dan tahap dimensi penyesuaian.....	114
Jadual 3.8 Komen ahli bidang terhadap protokol temu bual.....	117
Jadual 3.9 Tafsiran ke atas nilai pekali Cronbach Alpha	119
Jadual 3.10 Nilai kebolehpercayaan Soal Selidik Adaptasi Pelajar (Baker & Siryk, 1999).....	120
Jadual 3.11 Contoh Indeks Kod Data Transkrip Temu Bual	128
Jadual 3.12 Contoh Indeks Kod Data Dokumen	129
Jadual 3.13 Contoh triangulasi data menggambarkan pengalaman dan perkembangan penyesuaian peserta kajian S18.....	131
Jadual 3.14 Senarai panel pakar analisis persetujuan pembinaan tema data kualitatif	134
Jadual 3.15 Indikator tahap persetujuan Cohen Kappa (Cohen, 1998).....	135

Jadual 3.16	Ujian Kenormalan	137
Jadual 3.17	Kaedah Analisis Data.....	140
Jadual 4.1	Ringkasan Integrasi Terapi Brief Fokus Penyelesaian, Terapi Seni dan Empat Faktor Teori transisi Schlossberg dalam pembinaan modul	146
Jadual 4.2	Perincian Pembinaan Modul Peringkat I	148
Jadual 4.3	Perincian Pembinaan Modul Peringkat II	151
Jadual 4.4	Ringkasan aktiviti Modul Terapi Seni Brief Fokus Penyelesaian.....	156
Jadual 5.1	Profil penilai pakar.....	172
Jadual 5.2	Keputusan Analisis Penilaian Pakar Kandungan Bagi Modul Terapi Seni Brief Fokus Penyelesaian	174
Jadual 5.3	Analisis Kesahan Kandungan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Terapi Seni Brief Fokus Penyelesaian	175
Jadual 5.4	Maklum balas penambahbaikan modul oleh pakar.....	176
Jadual 5.5	Pembaikan dan pemurnian selepas kesahan pakar dan kajian rintis.....	177
Jadual 5.6	Nilai kebolehpercayaan keseluruhan modul dan sesi MTSBF	179
Jadual 5.7	Profil Penyesuaian Pelajar Berdasarkan Skor Penyesuaian Keseluruhan Sebelum Dan Selepas Intervensi MTSBFP (N=18).....	180
Jadual 5.8	Keputusan Analisis Ujian Mann-Whitney U bagi Tahap Penyesuaian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan sebelum Intervensi	182
Jadual 5.9	Keputusan Analisis Ujian Pasca Tahap Penyesuaian Keseluruhan Kumpulan Rawatan berbanding Kumpulan Kawalan	184
Jadual 5.10	Keputusan Analisis Wilcoxon Signed Ranks Tahap Penyesuaian Keseluruhan Mengikut Kedudukan Bagi Kumpulan Rawatan Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan	185
Jadual 5.11	Keputusan analisis Wilcoxon Signed Ranks tahap penyesuaian bagi kumpulan rawatan	186
Jadual 5.12	Keputusan analisis Wilcoxon Signed Ranks tahap penyesuaian bagi kumpulan kawalan.....	187

Jadual 5.13	Petikan transkrip yang menggambarkan sesi dan aktiviti modul menyeronokkan.....	191
Jadual 5.14	Petikan transkrip yang menggambarkan sesi dan aktiviti modul menyeronokkan.....	192
Jadual 5.15	Petikan transkrip yang menggambarkan sesi dan aktiviti modul merangsang pemikiran.....	193
Jadual 5.16	Petikan transkrip yang menggambarkan sesi dan aktiviti modul dapat memberi peluang berkongsi pengalaman.....	193
Jadual 5.17	Petikan transkrip yang menggambarkan sesi dan aktiviti modul berupaya memberikan kelegaan emosi.....	194
Jadual 5.18	Petikan transkrip yang menggambarkan sesi dan aktiviti modul dapat membantu meluahkan emosi.....	195
Jadual 5.19	Kekerapan Tema Pengalaman Penyesuaian Akademik.....	199
Jadual 5.20	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tugas akademik.....	200
Jadual 5.21	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tugas akademik.....	201
Jadual 5.22	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tugas akademik.....	202
Jadual 5.23	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tugas akademik.....	203
Jadual 5.24	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan pengurusan masa.....	205
Jadual 5.25	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan persekitaran akademik.....	207
Jadual 5.26	Kekerapan tema pengalaman penyesuaian sosial.....	209
Jadual 5.27	Kekerapan kategori sub tema hubungan dengan orang lain.....	209
Jadual 5.28	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan rakan sekelas.....	211

Jadual 5.29	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan rakan sekelas	212
Jadual 5.30	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan rakan sebilik	214
Jadual 5.31	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan komunikasi	215
Jadual 5.32	Kekerapan sub tema pengalaman penyesuaian emosi	216
Jadual 5.33	Kekerapan kategori bagi sub tema kerinduan	217
Jadual 5.34	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan kerinduan ibu bapa	218
Jadual 5.35	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan kerinduan rakan lama	220
Jadual 5.36	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan kerinduan benda dan haiwan kesayangan	221
Jadual 5.37	Kekerapan kategori bagi sub tema tekanan.....	222
Jadual 5.38	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tekanan akademik.....	223
Jadual 5.39	Kekerapan sub kategori sosial bagi kategori tekanan	225
Jadual 5.40	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tekanan social	226
Jadual 5.41	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tekanan pandemik Covid19.....	228
Jadual 5.42	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan tekanan rakan sekelas.....	229
Jadual 5.43	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan kesunyian	230

Jadual 5.44	Kekerapan sub tema pengalaman penyesuaian peribadi.....	231
Jadual 5.45	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan kewangan	232
Jadual 5.46	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan kesihatan	233
Jadual 5.47	Kekerapan sub tema pengalaman penyesuaian minat.....	233
Jadual 5.48	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pengalaman penyesuaian berkaitan minat	235
Jadual 5.49	Kekerapan sub tema di bawah tema Kekuatan Diri.....	238
Jadual 5.50	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sikap tidak berputus asa	240
Jadual 5.51	Petikan transkrip yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sikap tidak berputus asa.....	241
Jadual 5.52	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sikap positif menerima perubahan	243
Jadual 5.53	Petikan transkrip yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sikap positif menerima perubahan.....	244
Jadual 5.54	Kekerapan sub tema di bawah tema Sumber Sokongan	245
Jadual 5.55	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sumber sokongan ibu bapa.....	246
Jadual 5.56	Petikan transkrip yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sumber sokongan ibu bapa	247
Jadual 5.57	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sumber sokongan rakan.....	248
Jadual 5.58	Petikan transkrip yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui sumber sokongan rakan.....	249
Jadual 5.59	Kekerapan sub tema di bawah tema Pembentukan Strategi	250
Jadual 5.60	Kekerapan bagi sub tema membuat perubahan	250

Jadual 5.61	Kekerapan sub kategori bagi kategori tindakan.....	251
Jadual 5.62	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui tindakan berdikari	253
Jadual 5.63	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui amalan beragama.....	255
Jadual 5.64	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui tindakan berjimat cermat.....	256
Jadual 5.65	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui tindakan proaktif	259
Jadual 5.66	Kekerapan bagi kategori pemikiran	261
Jadual 5.67	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui pemikiran menerima realiti	263
Jadual 5.68	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui pemikiran dengan mengubah persepsi	265
Jadual 5.69	Petikan transkrip yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui pemikiran dengan mengubah persepsi	266
Jadual 5.70	Kekerapan kategori bagi sub tema menetapkan matlamat.....	266
Jadual 5.71	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui menetapkan matlamat jangka panjang	267
Jadual 5.72	Petikan transkrip yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui menetapkan matlamat jangka panjang	268
Jadual 5.73	Petikan transkrip dan gambar digital lukisan yang menggambarkan pola peningkatan penyesuaian melalui menetapkan matlamat jangka pendek	270

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian 23
Rajah 2.1	Kesesuaian TBFP dan Terapi Seni, dan Integratif TSBFP (Liu, 2017) 78
Rajah 2.2	Kerangka Transisi Individu (Schlossberg, 1981)..... 89
Rajah 2.3	Model Integratif Proses Transisi (Schlossberg et al., 2012) 90
Rajah 2.4	Kerangka Teoritikal Kajian..... 92
Rajah 3.1	Reka Bentuk Eksperimental Campuran (Creswell, 2018) 95
Rajah 3.2	Reka Bentuk Eksperimental Campuran (Creswell, 2018) diadaptasi dalam kajian 95
Rajah 3.3	Prosedur pemilihan sampel dan peserta kajian eksperimen 110
Rajah 3.4	Carta Alir Prosedur Kajian..... 121
Rajah 3.5	Peringkat Pelaksanaan Kajian 123
Rajah 3.6	Prosedur Pengumpulan Data Keseluruhan Kajian 126
Rajah 3.7	Histogram taburan data populasi 138
Rajah 4.1	Asas Teoritikal Pembinaan Modul Terapi Seni Brief Fokus Penyelesaian..... 145
Rajah 4.2	Model pembinaan Modul Sidek (2001) 147
Rajah 4.3	Kerangka Kandungan Modul Terapi Seni Brief Fokus Penyelesaian..... 163
Rajah 5.1	Rajah pokok tema dan sub tema pengalaman pelajar mengikuti sesi Modul Terapi 190
Rajah 5.2	Rajah pokok tema, sub tema, kategori dan sub kategori pengalaman penyesuaian peserta kajian. 198
Rajah 5.3	Rajah pokok tema, sub tema dan kategori pola peningkatan penyesuaian pelajar ketika mengikuti Modul Terapi Seni Brief Fokus Penyelesaian..... 237

SENARAI SINGKATAN

IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
REBT	<i>Rational Emotive Behaviour Therapy</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TBFP	Terapi <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian
TSBFP	Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	<i>Student Adaptation to College Questionnaire (SACQ)</i>
Lampiran B	Kebenaran Menggunakan Soal Selidik SACQ
Lampiran C	Modul Terapi Seni <i>Brief</i> Fokus Penyelesaian (Sebahagian)
Lampiran D	Borang Persetujuan Termaklum (Peserta kajian)
Lampiran E	Borang Penilaian Kebolehpercayaan Modul
Lampiran F	Borang Kesahan Kandungan Modul
Lampiran G	Borang Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul
Lampiran H	Surat Pelantikan Pakar Penilai Kesahan Modul
Lampiran I	Borang Penilaian Pakar Kesahan Modul
Lampiran J	Surat Kebenaran Etika Menjalankan Kajian JePEM USM
Lampiran K	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian EPRD
Lampiran L	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian IPGM
Lampiran M	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian IPGK
Lampiran N	Protokol Temu Bual
Lampiran O	Surat Pelantikan Pakar Tema Kualitatif
Lampiran P	Borang Persetujuan Pakar Psikologi dan Kaunseling Terhadap Tema Kualitatif
Lampiran Q	Dapatan Kajian Kuantitatif (<i>Output SPSS</i>)
Lampiran R	Dapatan Kajian Kualitatif (<i>Report Atlas.ti</i>)
Lampiran S	Tinjauan Awal
Lampiran T	Sijil Terapi Seni

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL TERAPI SENI *BRIEF* FOKUS
PENYELESAIAN TERHADAP PENYESUAIAN PELAJAR DI INSTITUT
PENDIDIKAN GURU**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina dan menguji Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian untuk meningkatkan penyesuaian pelajar tahun pertama di Institut Pendidikan Guru (IPG). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka pengalaman pelajar mengikuti Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian, mengenal pasti tema dan imej pengalaman penyesuaian, dan mengenal pasti pola peningkatan penyesuaian pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan kajian kuantitatif dan kualitatif. Secara spesifiknya, kajian ini menggunakan kaedah eksperimental campuran (*experimental mixed method*) yang melibatkan data kuantitatif dan kualitatif dikumpul secara berfasa dengan menggunakan Soal Selidik Adaptasi Pelajar (Baker & Siryk, 1999) (SACQ), transkrip perkongsian kelompok, gambar digital visual hasil seni dan perkongsian video kreatif. Kajian ini melibatkan 36 orang pelajar PPISMP (rawatan =18, kawalan =18) yang mempunyai tahap penyesuaian rendah di sebuah IPG di utara Semenanjung Malaysia. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan ujian bukan parametrik (*Mann-Whitney U* dan *Wilcoxon Signed Rank*). Bagi data kualitatif, analisis tematik telah dilakukan dengan menggunakan perisian Atlas.ti 8. Kesahan data diperoleh melalui semakan peserta kajian dan pakar. Indeks analisis Cohen Kappa digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan data. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap penyesuaian kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan setelah menjalani Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian. Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat

peningkatan tahap penyesuaian yang signifikan dalam kalangan peserta kajian yang telah menerima rawatan selama tujuh sesi. Data kualitatif yang dianalisis menunjukkan terdapat dua tema utama pengalaman peserta kajian mengikuti Modul Terapi Seni *Brief Fokus Penyelesaian* iaitu pengalaman mengikuti sesi dan aktiviti, dan pengalaman emosi. Selain itu, lima tema utama pengalaman penyesuaian peserta kajian di IPG dikenal pasti iaitu berkaitan akademik, sosial, emosi, peribadi dan minat. Pola peningkatan penyesuaian pula dikenal pasti sebanyak tiga tema utama iaitu kekuatan diri, sumber sokongan dan pembentukan strategi. Keputusan ini membuktikan bahawa pelajar tahun pertama di IPG berhadapan dengan cabaran penyesuaian transisi. Dapatan juga membuktikan bahawa penyesuaian pelajar dapat ditingkatkan melalui latihan dan bimbingan melalui Modul Terapi Seni *Brief Fokus Penyelesaian*. Implikasi kajian ini dapat memperkembang ilmu dalam bidang bimbingan dan kaunseling untuk membantu pelajar yang berhadapan dengan cabaran penyesuaian transisi.

**DEVELOPMENT AND EFFECTS OF SOLUTION FOCUSED BRIEF ART
THERAPY MODULE FOR STUDENT ADAPTATION IN INSTITUTE OF
TEACHER EDUCATION**

ABSTRACT

This This study aimed to develop and test a “Solution Focus Brief Art Therapy Module” to improve the adaptation of the first-year students at the Institute of Teacher Education (IPG). In addition, this study also aimed to explore the students’ experiences pursuing the Solution Focus Brief Art Therapy Module, identify themes and images of adaptation experiences, and identify patterns of improvement of students’ adaptation. This study uses a combination design of quantitative and qualitative studies. More specifically, this study uses an experimental mixed method which involves quantitative and qualitative data, collected in phases using “Student Adaptation to College Questionnaire” (SACQ), group sharing transcripts, visual digital photos of artwork and creative video sharing. This study involved 36 PPISMP students (treatment = 18, control = 18) who had a low level of adjustment in IPG in northern Peninsular Malaysia. Quantitative data were analysed using descriptive statistics and nonparametric tests (Mann-Whitney U and Wilcoxon Signed Rank). Thematic analysis was used for qualitative data using Atlas.ti 8 software. The validity of data was obtained through review of study participants and experts. The Cohen Kappa analysis index was used to improve the reliability of the data. The results of the study showed that the Solution Focused Brief Art Therapy Module constructed obtained a high content validity of .88 and the Cronbach’s Alpha reliability value was .97. The results of the quasi -experimental study showed that there is a significant difference in the level of adaptation of the treatment group compared to the control group after

undergoing the Solution Focus Brief Art Therapy Module. The results of this study also showed that there is a significant increase in the level of adaptation among the study participants who had received treatment for seven sessions. The qualitative data analysed showed that there were two main themes of the study that the participants had experience by pursuing the Solution Focus Brief Art Therapy Module, namely the experience of following the sessions and activities, and the emotional experience. In addition, five main themes of the adaptation experience of the study participants at IPG were identified, namely academic, social, emotional, personal and interest related. The pattern of increasing in the level of adaptation was identified in as three main themes, namely self -strength, support resources and strategy formation. These results proved that the first-year students at IPG faced challenges of transition adaptation. The findings also proved that student's adjustment can be enhanced through training and guidance through the Solution Focus Brief Art Therapy Module. The implications of this study are to expand knowledge in the field of guidance and counselling in order to help students in facing the challenges of transition adaptation.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Institut pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam menghasilkan komuniti berpendidikan tinggi yang diperlukan bagi memenuhi hasrat negara. Setiap pelajar yang menjejakkan kaki ke institut pengajian tinggi selepas mengikuti pengajian di sekolah menengah mempunyai impian yang ingin dicapai di samping memenuhi harapan ibu bapa. Transisi pelajar dari sekolah menengah ke institut pengajian tinggi menuntut para pelajar melakukan penyesuaian terhadap persekitaran akademik dan persekitaran sosial yang baharu. Keupayaan pelajar menangani cabaran akademik dan sosial sebaik mungkin, merasai kesejahteraan dan mempunyai ikatan yang rapat secara keseluruhannya dengan institut pengajian (Baker & Siryk, 1999; Ribbe et al., 2016) merupakan indikasi penyesuaian pelajar. Hal ini turut dapat dilihat menerusi sikap pelajar terhadap kursus yang diikuti, penglibatan pelajar dalam pembelajaran, usaha yang dilakukan ketika belajar (Baker & Siryk, 1984) dan mempunyai prestasi akademik yang baik (Julia & Veni, 2012).

Pelajar perlu bertindak atau bertingkah laku sesuai dengan perubahan persekitaran. Sekiranya mereka gagal menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran, keadaan ini akan memberi kesan kepada kesejahteraan dan mengurangkan peluang berdaya tahan atau resiliensi (Paranmeswaran & Beena, 2004). Justeru, kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil dalam meningkatkan tahap penyesuaian pelajar (Nor Hashimah et al., 2015) dengan mengintegrasikan elemen seni kreatif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Manusia sentiasa mengalami penyesuaian dan membuat adaptasi dalam kehidupan. Penyesuaian merupakan perjuangan individu untuk bertahan terhadap persekitarannya (Lazarus, 1976). Penekanan penyesuaian ini adalah pada perubahan fungsional atau pembelajaran yang mesti dilakukan oleh individu untuk mencapai hubungan yang harmoni dengan persekitaran (Atwater, 1979). Menurut Haber dan Runyon (1984), penyesuaian terbahagi kepada dua iaitu penyesuaian keadaan dan penyesuaian proses. Penyesuaian keadaan berkaitan keupayaan individu menyesuaikan dirinya dengan keadaan secara keseluruhan. Keseluruhan ini merujuk kepada penyesuaian diri individu terhadap tuntutan dari dalam dirinya sendiri dan tuntutan yang diterima daripada persekitarannya sehingga mencapai keselarasan hidup. Penyesuaian proses pula berkaitan keupayaan individu menangani perubahan keadaan dan persekitaran dalam kehidupannya.

Tekanan yang dihadapi boleh menyebabkan individu berhadapan dengan salah penyesuaian (DiCaprio, 1980; Lazarus, 1976). Menurut Arkoff (1968), setiap individu sentiasa berusaha memenuhi keperluan dan mencapai matlamatnya dalam sesuatu persekitaran, tetapi pada masa yang sama menghadapi tekanan dalam persekitaran tersebut. Tingkah laku yang tidak diselaraskan dalam menghadapi tekanan hidup menyebabkan individu sering membuat helah bela diri seperti pengelakan yang akan menghalang individu untuk mengambil tindakan efektif untuk menguasai masalah (Lazarus, 1976). Masalah penyesuaian juga berlaku apabila individu terpaksa melakukan sesuatu yang tidak diingini atau merasai sesuatu yang tidak mahu dirasai (Acocella & Calhoun, 1983). Setiap individu akan mengalami salah penyesuaian pada peringkat tertentu (Nikelly, 1977) maka kelompok awal dewasa yang terdiri daripada pelajar turut berpotensi untuk mengalami salah penyesuaian. Tinto (1987) mendapati

40 peratus daripada pelajar yang baru meninggalkan sekolah dan memasuki IPT gagal mendapat ijazah dan 75 peratus gagal dalam tahun kedua pengajian akibat daripada salah penyesuaian di kolej.

Peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi merupakan satu kebanggaan kepada diri sendiri dan keluarga. Pelajar akan mengalami proses transisi daripada sekolah menengah ke pusat pengajian tinggi. Transisi tahap pendidikan tinggi merupakan satu tempoh bagi pelajar mengalami perubahan (Shankland et al., 2010). Transisi kepada persekitaran baharu memberi cabaran dan tekanan kepada pelajar untuk menyesuaikan diri. Pelajar akan berhadapan dengan persekitaran belajar yang baharu dan perlu menguruskan masa mereka secara berkesan. Kebanyakan pelajar mengalami penyesuaian positif seperti dapat melibatkan diri dan gembira dengan persekitaran IPT (Rodriguez et al., 2015; Kenney et al., 2015), namun terdapat kajian yang melaporkan pelajar mengalami kebingungan kerana transisi mereka ke kolej (Credé & Niehorster, 2012; Feldt et al., 2011). Tinjauan kajian lalu rancak membincangkan kesan daripada fasa transisi pelajar dari sekolah menengah ke IPT. Pelajar didapati menghadapi kesukaran dalam akademik (Wintre et al., 2006; Ngui & Lay, 2015; Ababu et.al., 2018) masalah emosi seperti pengasingan, kesunyian, tekanan dan kemurungan (Horgan et al., 2016; Puff et al., 2016; Quan et al., 2014), hubungan yang tegang dengan ahli keluarga dan rakan sekelas (Wintre & Yaffe, 2000; Briggs et.al., 2012), isu penyalahgunaan bahan (LaBrie et al., 2012) dan akhirnya menyebabkan mereka tersingkir dari sekolah atau kolej (Credé & Niehorster, 2012). Mereka juga mengalami kesunyian, kerinduan kampung halaman, konflik dan tekanan dalam hubungan interpersonal (Dusselier et al., 2010; Azzmiah, 2021).

Di samping itu, pelajar yang tercicir daripada IPT berpunca daripada kesukaran akademik, kesukaran menyesuaikan diri, matlamat yang baharu dan sukar, komitmen yang lemah, perlukan motivasi luaran, masalah kewangan dan isolasi (Tinto, 1996). Menurut Baker dan Siryk (1984), pelajar tahun pertama di kolej mengalami masalah penyesuaian berkaitan akademik, sosial, peribadi-emosi dan komitmen institusi. Pelajar tahun pertama di universiti seperti berbulan madu kerana teruja dengan persekitaran baharu dan membayangkan fasa seterusnya memberikan pengalaman manis (Penn-Edwards & Donnison, 2011). Walau bagaimanapun, pelajar mungkin akan mengalami kejutan sekiranya perkara yang dibayangkan tidak menjadi (Kelly & Moogan, 2012). Menurut Grayson dan Cauley (1989), pelajar tahun pertama juga mengalami fenomena '*top-dog*' semasa tempoh transisi iaitu pelajar bergerak dari posisi paling atas (pelajar tertua dan berkuasa di sekolah menengah) kepada posisi paling bawah (pelajar termuda dan tidak mempunyai kuasa di institut pengajian tinggi). Hal ini memberi tekanan kepada pelajar yang dahulu mereka berada pada posisi paling atas sebagai pelajar tertua serta mempunyai kuasa dan kini terpaksa berada di posisi paling bawah sebagai pelajar baharu yang tidak mempunyai kuasa. Selain itu, kajian Dawborn-Gundlach dan Margetts (2018) mendapati pelajar berhadapan dengan kesukaran melibatkan diri dalam sosio-budaya universiti termasuk rasa kesunyian, dislokasi sosial dan masalah untuk membina hubungan dengan pelajar lain. Tanpa jaringan sosial, perasaan kesunyian dan dislokasi sosial menyebabkan pelajar berisiko tinggi mengalami pergeseran akibat tidak mempunyai sokongan sosial di IPT (Ayres & Guilfoyle, 2009; Mallman & Lee, 2016). Selain itu, pelajar juga mengalami kerinduan kepada keluarga, kesukaran bersosial atau berkawan dan kesukaran dalam mengurus masa dan kemahiran belajar (Ababu et al., 2018).

Di Malaysia, senario penyesuaian dalam kalangan pelajar di IPT juga perlu diberikan perhatian sewajarnya. Transisi pelajar dari alam persekolahan ke institut pengajian tinggi memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan keadaan baharu dan mempunyai daya tahan yang tinggi untuk menempuhi cabaran dengan persekitaran baharu. Berdasarkan Perangkaan Pendidikan Malaysia 2018, seramai 193 883 orang pelajar mendaftar di institut pengajian tinggi awam (IPTA) seperti universiti, institut pendidikan guru, politeknik dan kolej matrikulasi pada tahun 2018. Para pelajar terdiri daripada pelajar lepasan sekolah menengah yang sudah pastinya akan mengikuti sistem dan persekitaran pembelajaran yang berbeza. Proses transisi sekolah – IPT boleh memberi kesan kepada pelajar (Gueudet, 2008; Anderson et. al., 2012) disebabkan wujudnya beberapa masalah baru yang dihadapi oleh pelajar (Nor Hashimah, 2015). Masalah penyesuaian pada fasa transisi dalam kalangan pelajar khususnya dari sekolah ke IPT bukanlah merupakan isu yang baru dibincangkan bahkan sehingga kini isu ini masih lagi mendapat perhatian hingga peringkat antarabangsa (Feldt et al., 2011; Klymchuk et al., 2011). Implikasi daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran, banyak pelajar IPT tahun pertama mendapati diri mereka cenderung mengalami kebimbangan, dan tekanan psikologi yang lebih besar (Bayram & Bilgel, 2008; Brandy et.al., 2015).

Masalah penyesuaian bukan sahaja berlaku kepada pelajar di universiti malahan pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG) juga turut mengalami masalah tersebut. Kajian Nor Hashimah et al. (2015) mendapati bahawa masalah penyesuaian memberi kesan kepada pencapaian matematik dalam kalangan pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPG. Keadaan peribadi emosi merupakan faktor utama yang boleh mengganggu proses penyesuaian akademik pelajar dan penyesuaian sosial semasa transisi institusi. Di samping itu, Jadual 1.1

menunjukkan hasil kajian Tengku Norhani et al, (2020) terhadap pelajar PPISMP di 14 buah IPG mendapati bahawa 10.4 peratus pelajar PPISMP mempunyai tahap penyesuaian keseluruhan rendah, 14.8 peratus tahap penyesuaian akademik rendah, 19.8 peratus mempunyai tahap penyesuaian sosial rendah, 20.3 peratus mempunyai tahap penyesuaian emosi-peribadi rendah dan 96.4 peratus mempunyai tahap penyesuaian komitmen matlamat/perapatan institusi rendah.

Jadual 1.1

Tahap penyesuaian pelajar PPISMP di 14 buah IPG (Tengku Norhani et al, 2020)

Pemboleh ubah	Skor markah	Tahap	Bilangan	Peratus	Skor Minimum	Skor Maksimum
Penyesuaian Keseluruhan	488 ke atas 361-487 360 ke bawah	Tinggi Sederhana Rendah	14 322 38	3.9 88.5 10.4	272	569
Penyesuaian Akademik	173 ke atas 122-172 121 ke bawah	Tinggi Sederhana Rendah	4 306 54	1.1 84.1 14.8	84.1	187
Penyesuaian Sosial	156 ke atas 104-155 103 ke bawah	Tinggi Sederhana Rendah	0 292 72	0 80.2 19.8	76	152
Penyesuaian Peribadi-Emosi	111 ke atas 71-110 70 ke bawah	Tinggi Sederhana Rendah	64 226 74	17.6 62.1 20.3	41	156
Penyesuaian Komitmen matlamat/Perapatan institusi	125 ke atas 84-124 83 ke bawah	Tinggi Sederhana Rendah	0 13 351	0 3.6 96.4	40	94

Hal ini memperlihatkan bahawa pelajar PPISMP di IPG mengalami isu penyesuaian akademik, sosial, peribadi-emosi dan komitmen matlamat/perapatan institusi. Institut Pendidikan Guru (IPG) berperanan untuk melatih dan menyediakan guru di sekolah rendah melalui kursus-kursus pra perkhidmatan yang ditawarkan di

IPG seperti Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), PITO (Program Intervensi Tambah Opsyen) dan lain-lain . Fokus latihan pelajar di IPG adalah untuk melahirkan guru di sekolah rendah yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru. Hal ini berbeza di universiti yang memfokuskan pendidikan pelajar dalam pelbagai bidang.

Pada masa ini, rawatan bagi meningkatkan penyesuaian dan mengurangkan masalah tingkah laku penyesuaian telah dilaksanakan melalui kaunseling kelompok (Noor Azniza, 2005; Elemo dan Türküm, 2019). Intervensi Kelompok Singkat Fokus REBT dan intervensi Kelompok Singkat Fokus Tingkah Laku telah dilaksanakan bagi mengurangkan salah penyesuaian pelajar di universiti (Noor Azniza, 2005). Melalui kaunseling kelompok, pelajar mendapat peluang untuk berkembang dan situasi mereka dapat berurusan dengan keputusan kerjaya, perhubungan intim, masalah identiti, pelan pendidikan dan perasaan isolasi di kampus (Corey, 2012). Kajian lalu menunjukkan bahawa Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dapat meningkatkan tahap penyesuaian pelajar (Hosseinpour et al., 2015; Kim, 2008) penyesuaian pesakit dengan kesakitan yang dialami (Zhang et al., 2018) meningkatkan kemahiran literasi, motivasi membaca, *self-esteem* dan kefungsiian sosioemosi pelajar (Daki & Savage, 2010). Gingerich dan Peterson (2013) mendapati 74 peratus daripada 43 buah kajian berkaitan aplikasi Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dalam intervensi mendapati manfaat dan 23 peratus melaporkan trend positif. Dapatan ini membuktikan bahawa Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian merupakan rawatan yang efektif bagi tingkah laku dan psikologikal. Tambahan pula, tempoh masa intervensi Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian lebih singkat berbanding pendekatan lain kerana ahli terapi atau kaunselor kurang atau tidak membincangkan tentang aspek masa lalu dan terus kepada penyelesaian masalah (Melati et al., 2016).

Selekman (1997) telah menggabungkan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dan terapi seni dalam intervensi terhadap keluarga dan mendapati gabungan ini memberi kesan terapeutik. Menurut Selekman, klien berasa seronok, santai dan kurang ancaman. Selain itu, Nims (2007) turut mengintegrasikan teknik Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dan terapi seni dalam intervensi membantu kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun untuk perubahan tingkah laku positif dan mencapai penyelesaian. Matto et al. (2003) turut mengintegrasikan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dan terapi seni dan mendapati gabungan tersebut sangat memberi kesan positif terhadap golongan dewasa yang mengalami ketagihan. Reislter (1987) menggabungkan terapi keluarga, terapi seni dan kaunseling *Brief*. Hasil gabungan tersebut telah memberi perubahan positif kepada klien melalui enam sesi terapi. Kajian lalu banyak menyatakan bahawa gabungan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dan terapi seni dapat meningkatkan kecekapan dan merupakan teknik terapeutik yang berkesan terhadap individu dewasa, remaja dan kanak-kanak.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelajar di Institut Pendidikan Guru dilatih untuk menjadi guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Hasrat IPG adalah menghasilkan guru yang berkompentensi dan berkualiti tinggi selari dengan Standard Guru Malaysia (2009) yang menetapkan pusat latihan perguruan melahirkan guru yang berfikiran kreatif dan kritis, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, berupaya mencipta peluang baharu, mempunyai daya tahan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global yang sering berubah. Justeru, pembentukan personaliti guru kepada pelajar di IPG bermula pada awal pengajian hingga akhir pengajian. Fasa awal pengajian merupakan fasa yang mencabar bagi pelajar kerana pelajar mengalami proses transisi daripada sekolah

menengah ke IPG. Keadaan ini memerlukan pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan budaya IPG yang berfokuskan kepada pembentukan personaliti guru yang berjiwa pendidik.

Walau bagaimanapun, kajian Nor Hashimah et al. (2015) mendapati pelajar tahun pertama bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG mengalami masalah penyesuaian dan turut memperlihatkan bahawa dimensi peribadi emosi paling dominan sebagai faktor yang mengganggu proses penyesuaian pelajar pada awal pengajian. Dimensi peribadi emosi ini adalah berkaitan kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan fizikal (Baker & Siryk, 1999). Di samping itu, 14.8 peratus pelajar PPISMP di 14 buah IPG mengalami tahap penyesuaian rendah dan 19.8 peratus didapati mempunyai tahap penyesuaian sosial yang rendah (Tengku Norhani et al., 2020). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masalah penyesuaian berlaku dalam kalangan pelajar tahun pertama PPISMP di IPG. Hasil tinjauan awal dengan kaunselor di empat buah IPG (Lampiran S) turut mendapati bahawa masalah penyesuaian ini sering berlaku setiap kali pengambilan pelajar baharu malahan terdapat juga pelajar yang berada pada tahun kedua dan ketiga Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) masih mengalami masalah penyesuaian. Keadaan ini agak membimbangkan kerana masalah penyesuaian bukan hanya dialami pelajar PPISMP tetapi juga turut dialami oleh pelajar PISMP. Selain itu, hasil tinjauan awal juga mendapati bahawa tiada modul berstruktur yang dapat dijadikan panduan kepada kaunselor untuk mengendalikan kes pelajar yang berhadapan dengan isu penyesuaian (Lampiran S).

Masalah penyesuaian ini melibatkan penyesuaian diri pelajar dengan akademik, sosial, emosi dan institusi (Baker & Siryk, 1999). Justeru, implikasi gagal membuat penyesuaian pada tahun pertama di IPG ini menyebabkan pelajar berhadapan dengan masalah akademik (Nor Hashimah et al., 2015) seperti cenderung mendapat nilai gred

yang rendah, berada pada status amaran dan penilaian sendiri yang kurang realistik. Selain itu, pelajar turut berhadapan dengan masalah sosial seperti penglibatan dan hubungan dengan orang lain di kampus (Tengku Norhani & Nor Shafrin, 2019). Keadaan ini agak membimbangkan kerana pelajar di IPG merupakan bakal guru yang akan ditempatkan di sekolah rendah di seluruh negara. Sekiranya masalah penyesuaian ini tidak dapat ditangani dengan baik, pelajar mungkin mengalami masalah emosi seperti pengasingan, kesunyian, tekanan dan kemurungan (Horgan et al., 2016; Quan et al., 2014). Masalah emosi yang berlarutan boleh mencetuskan kepada masalah kesihatan mental. Sewajarnya masalah emosi ini ditangani dengan cara yang berkesan dan sistematik agar dapat membantu pelajar-pelajar yang berhadapan dengan masalah penyesuaian ini meningkatkan kestabilan dan melalui proses perkembangan yang baik. Tambahan pula, pelajar-pelajar di IPG merupakan bakal guru yang akan mencorak masa depan pendidikan di Malaysia selaras dengan misi IPG iaitu melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik.

Selain itu, Pelan Strategik Transformasi Institut Pendidikan Guru (2017), Bab D Kluster 6 menekankan kepada Peningkatan Kualiti Pelajar sebagai proses mencapai misi dan visi IPG dengan mengekalkan kualiti pelajar berdasarkan personaliti guru, tahap kesihatan mental dan tahap kecergasan pelajar sepanjang tempoh pengajian di institut pendidikan guru. Penekanan terhadap tiga elemen ini sangat penting untuk memastikan mereka dapat mengikuti pengajian dengan baik. Di samping itu, kestabilan kesihatan mental dan keupayaan menangani masalah juga penting selari dengan Budaya IPG yang merupakan rujukan bagi warga IPG memberi fokus antaranya Budaya Hidup Sihat iaitu kesihatan dan kecergasan fizikal, kematangan emosi, ketenangan rohani dan bertaqwa, keterbukaan minda, positif, matang dan rasional, dan persekitaran mesra. Justeru, bagi mencapai hasrat dan tekad Kementerian

Pendidikan Malaysia dan IPG khususnya, kajian ini dilaksanakan bagi membina Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi agar boleh diaplikasikan terhadap pelajar PPISMP di IPG, khususnya dalam membantu mereka mengendalikan isu penyesuaian pada fasa transisi berdasarkan kemahiran berfokuskan penyelesaian dengan meneroka sumber asas seperti diri, situasi, strategi dan sokongan dalam suasana yang seronok dan kreatif untuk melakukan perubahan agar memperoleh kesejahteraan mental, kematangan emosi dan cergas dalam proses membina personaliti guru di IPG.

Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian dibina berorientasikan terapi *brief* fokus penyelesaian dan terapi seni yang melibatkan aktiviti seperti melukis, mewarna, membentuk tanah liat dan menghasilkan kolaj sebagai alat untuk membantu pelajar menangani masalah, khususnya mengurangkan masalah penyesuaian pada fasa transisi dalam suasana kreatif dan seronok. Selain itu, modul ini juga mengintegrasikan empat faktor menangani perubahan transisi (Schlossberg, 1981) iaitu diri, situasi, sokongan, dan strategi berdasarkan keperluan intervensi penyesuaian pelajar dalam fasa transisi. Terapi seni dan terapi *brief* fokus penyelesaian dipilih kerana kedua-duanya pendekatan berasaskan kekuatan (Liu, 2017) yang boleh diaplikasikan prinsip-prinsip serta kemahiran ke dalam intervensi penyesuaian (McDonough, 2008; Ramirez, 2013; Dastbaz, 2014; Hosseinpour et.al, 2015) bagi membantu pelajar menangani isu penyesuaian pada fasa transisi. Terapi seni dan terapi *brief* fokus penyelesaian juga didapati mempunyai keserasian untuk diintegrasikan (Liu, 2017; Matto et al, 2003). Selain itu, pemilihan pengintegrasian empat faktor menangani perubahan (Schlossberg, 1981) bersama-sama terapi *brief* fokus penyelesaian dan terapi seni adalah untuk membantu pelajar mengenal pasti sumber dalaman dan luaran serta membantu pelajar berbincang dan merancang strategi penyesuaian yang praktikal untuk menangani

cabaran pada fasa transisi (Kovtun, 2011; Hansen et al., 2018). Di samping itu, empat faktor menangani perubahan (Schlossberg, 1981) ini juga didapati bersesuaian untuk diintegrasikan dengan proses kaunseling kelompok bagi membantu klien yang berhadapan dengan transisi (Anderson, Goodman & Schlossberg, 2012).

Kajian lalu berkaitan penyesuaian pelajar pada fasa transisi di IPG telah dijalankan oleh Nor Hashimah (2015) namun kajian tersebut berfokuskan kepada penghasilan model transisi. Selain itu, kajian pembinaan modul kaunseling untuk salah penyesuaian pelajar di universiti telah dilaksanakan oleh Noor Azniza (2005) dengan mengaplikasikan pendekatan kelompok singkat (*brief counselling*) dan melaksanakan reka bentuk kajian eskperimen. Noor Azniza (2005) mencadangkan kajian pada masa hadapan menambahkan sesi temu bual atau memberi pendapat tentang pengurangan tahap salah penyesuaian yang dialami pelajar serta menggunakan pendekatan lain untuk diadaptasi dengan kaedah kaunseling singkat. Justeru, kajian ini akan melaksanakan reka bentuk gabungan kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan gambaran lebih jelas dan mendalam tentang masalah penyesuaian yang dihadapi pelajar. Tambahan pula, berdasarkan temu bual dengan kaunselor IPG (Lampiran), sehingga kini masih belum terdapat sebarang pembinaan dan pelaksanaan yang bertujuan untuk menangani atau mengurangkan masalah penyesuaian pelajar tahun pertama di IPG, terutama modul yang telah melalui penyelidikan ilmiah.

Selain itu, perbezaan konteks silang budaya dan latar belakang pelajar di Barat dan di Malaysia, terutama dari segi aspek perkembangan kognitif, emotif dan tingkah laku juga boleh menghasilkan penemuan dapatan kajian yang berbeza. Terapi *brief* fokus penyelesaian dan terapi seni sudah lama diuji keberkesanannya di Barat, namun begitu sejauh mana kesan terhadap pengurangan masalah penyesuaian pelajar di Malaysia, khususnya pelajar PPISMP yang berada pada fasa transisi di IPG masih

menjadi persoalan. Kajian-kajian berkaitan masalah penyesuaian pelajar telah banyak dilaksanakan sejak lima dekad yang lalu di universiti sama ada di Barat ataupun di Malaysia. Walaupun banyak kajian berkaitan penyesuaian pelajar ini telah dijalankan sejak lima dekad yang lalu, namun sampel kajian terhad kepada pelajar universiti dan kolej sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan kepada pelajar lain. Fokus kajian-kajian lepas juga terhad kepada melihat hubungan dan faktor. Malah reka bentuk kajian juga banyak dijalankan dalam bentuk kuantitatif. Justifikasinya, sehingga kini kurang kajian dan intervensi menangani masalah penyesuaian pelajar dilaksanakan khusus kepada pelajar di IPG. Justeru, dapat dibuat rumusan bahawa perlunya satu kajian secara empirikal dengan membina Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian dan mengenal pasti kesan terhadap pengurangan masalah penyesuaian pelajar PPISMP di IPG.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian dapat dikategorikan kepada objektif umum dan khusus.

1.4.1 Objektif Umum

Untuk membina dan menguji kesan Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian terhadap penyesuaian pelajar PPISMP di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

1.4.2 Objektif Khusus

Secara khususnya antara objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Membina Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian.

- ii. Menguji kesahan dan kebolehpercayaan Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian.
- iii. Mengukur kesan rawatan Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian terhadap penyesuaian pelajar tahun pertama PPISMP di IPG.
- iv. Meneroka pengalaman pelajar PPISMP di IPG yang mengikuti Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian.
- v. Meneroka tema dan imej pengalaman penyesuaian pelajar yang terjelma melalui hasil seni yang dikumpul sepanjang sesi mengikuti Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian.
- vi. Meneroka pola peningkatan penyesuaian ketika mengikuti Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian dibina?
- ii. Adakah terdapat kesahan dan kebolehpercayaan Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian?
- iii. Adakah terdapat kesan rawatan Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian terhadap penyesuaian pelajar tahun pertama PPISMP di IPG?
- iv. Bagaimanakah pengalaman pelajar yang menjalani Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian?
- v. Bagaimanakah tema dan imej pengalaman penyesuaian pelajar yang terjelma melalui hasil seni yang dikumpul sepanjang sesi mengikuti Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian?

- vi. Bagaimanakah pola peningkatan penyesuaian pelajar ketika mengikuti Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan satu pernyataan berdasarkan fenomena yang diselidik dan dinyatakan dalam bentuk ramalan untuk melihat hubungkait antara dua atau lebih pemboleh ubah yang dijangka mempunyai kaitan (Noraini, 2010). Justeru, dua hipotesis telah dibina dalam kajian ini. Hipotesis yang dibina merupakan hipotesis tidak terarah untuk memastikan sama ada wujud atau tidak perbezaan tahap penyesuaian antara peserta kajian kumpulan rawatan dan kumpulan kajian. Hipotesis yang dibina berbentuk hipotesis nul yang perlu diuji secara statistik. Justeru, berdasarkan objektif dan persoalan kajian ketiga, maka hipotesis dibina seperti berikut:

Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pasca penyesuaian kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra dan ujian pasca penyesuaian dalam kumpulan rawatan.

Ho₃: Tidak terdapat perbezaan signifikan ujian pra dan ujian pasca penyesuaian dalam kumpulan kawalan.

1.7 Rasional Kajian

Kajian berkaitan penyesuaian pelajar di IPT telah banyak dilaksanakan di luar negara (Ashwini & Barre, 2014; Buote et al., 2007; Credé & Niehorster, 2012; Darlow et al., 2017; Deandrea et al., 2012; Dusselier et al., 2010; Holliday et al., 2015; Horgan et al., 2016; LaBrie et al., 2012; Puff et al., 2016; Quan et al., 2014; Wintre et al., 2006; Wintre & Yaffe, 2000) dengan melihat hubungan dan faktor. Terdapat juga kajian yang

melaksanakan intervensi kaunseling kelompok dan seminar motivasi bagi meningkatkan penyesuaian pelajar. Kebanyakan kajian melibatkan sampel yang terdiri daripada pelajar di universiti. Tidak banyak kajian berkaitan penyesuaian dijalankan terhadap sampel pelajar di pusat latihan guru. Begitu juga kajian yang dijalankan di dalam negara. Hanya terdapat satu kajian berkaitan penyesuaian dijalankan di IPG dengan membina model transisi berasaskan penyesuaian (Nor Hashimah, 2015).

Masalah penyesuaian juga turut berlaku di IPG namun belum ada intervensi khusus untuk meningkatkan penyesuaian pelajar di IPG. Oleh itu, pengkaji berminat untuk membina satu modul penyesuaian dengan mengintegrasikan pendekatan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dan Terapi Seni bagi membantu pelajar di IPG meningkatkan penyesuaian pelajar dalam suasana santai dan menyeronokkan sejajar dengan keperluan yang digariskan dalam dokumen Standard Guru Malaysia (2009) bagi membantu bakal guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan sebelum ditempatkan di lapangan sebenar.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan penyesuaian terhadap pelajar di IPG sangat kurang dijalankan. Justeru, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dari aspek ilmu pengetahuan dan metodologi.

Dapatan kajian ini dapat membantu dalam aspek perkembangan ilmu pengetahuan, khususnya kaedah untuk meningkatkan penyesuaian pelajar di IPG dalam fasa transisi menerusi Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian (MTSBFP) kepada kaunselor dan mentor di IPG. Modul ini mengintegrasikan aktiviti terapi seni seperti melukis, mewarna, membina arca, dan kolaj yang dapat membantu pelajar meningkatkan penyesuaian mereka secara kreatif. Pengintegrasian aktiviti seni kreatif

dapat memudahkan pelajar mencapai emosi positif dan perubahan tingkah laku (Malchiodi, 2007). Modul TSBFP juga merupakan kaedah terancang dan piawai kerana mendapat persetujuan pakar. Justeru, modul ini dapat menjadi panduan dan sistem sokongan kepada kaunselor untuk membantu pelajar yang berhadapan dengan isu penyesuaian. Di samping itu, modul ini juga dapat menjadi rujukan kepada para mentor di IPG untuk membantu mentee mereka meningkatkan penyesuaian dalam program mentor-mentee yang diadakan pada setiap minggu.

Kajian ini memfokuskan peningkatan penyesuaian dalam kalangan pelajar di IPG dengan kaedah dan pendekatan yang berbeza. Secara umumnya, kajian ini dapat membantu merealisasikan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2012). Berdasarkan Pelan Strategik Transformasi Institut Pendidikan Guru (2017), Bab D Kluster 6, kajian ini dapat membantu meningkatkan kualiti pelajar dari segi kesihatan mental dengan memberi intervensi agar mereka berupaya menyesuaikan diri pada peringkat awal transisi. Sekiranya pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan baik pada peringkat awal transisi ini akan menyebabkan kemungkinan kesihatan mental mereka terganggu dan mengalami kesukaran untuk mengikuti pengajian dengan baik. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu kualiti peribadi dan profesionalisme pelajar di IPG sebagai seorang bakal guru. Pelajar dapat belajar kaedah yang betul untuk mengenal pasti dan menangani masalah penyesuaian serta menjalani kehidupan dengan sejahtera.

Kajian ini juga memberi sumbangan terhadap ilmu kaunseling dan psikologi. Dalam bidang psikologi dan kaunseling, pengintegrasian terapi seni dan pendekatan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dapat memberi satu kemahiran baharu kepada kaunselor. Kepelbagaian klien dan cabaran isu semasa menuntut kaunselor mempunyai kemahiran alternatif untuk membantu klien mendapat celik akal. Terdapat

klien yang sukar meluahkan emosi secara verbal maka seni kreatif sebagai alat untuk membantu klien meluahkan emosi secara nonverbal dengan rasa selamat dan santai. Pihak IPG boleh menyediakan kursus menggunakan seni kreatif kepada semua kaunselor IPG sebagai nilai tambah kepada kaunselor bagi mengendalikan kes berkaitan penyesuaian pelajar tahun pertama di IPG. Modul ini dapat dijadikan panduan pengintegrasian seni kreatif bagi meningkatkan penyesuaian pelajar di IPG. Hasil kajian juga dapat memberi input berkaitan kepentingan penyesuaian kepada pelajar tahun pertama di IPG. Kajian ini juga dapat memberi pengetahuan terhadap kesan psikologi yang akan dihadapi pelajar sekiranya isu penyesuaian ini tidak ditangani pada peringkat awal. Elemen peningkatan penyesuaian boleh diterapkan dalam kurikulum pelajar tahun pertama di IPG.

1.9 Definisi Konsep dan Operasi Pemboleh Ubah Dalam Kajian

1.9.1 Modul

Modul didefinisikan sebagai satu set lengkap dan unit bebas yang dirancang dalam aktiviti pembelajaran untuk membantu pelajar mencapai objektif yang ditetapkan (Goldschmid & Goldschmid, 1972). Russell (1974) pula mendefinisikan modul sebagai satu pakej pengajaran berkaitan satu unit konsep mata pelajaran. Sementara itu, Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) telah mendefinisikan modul sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar bagi memudahkan pemahaman pelajar. Modul berbentuk motivasi pula merupakan satu bahan, alat dan sumber yang mengandungi pelbagai aktiviti yang telah dirancang secara sistematik bagi memudahkan pelajar mencapai dan menguasai objektif-objektif yang telah ditetapkan (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005).

Dalam kajian ini, modul adalah satu set aktiviti yang lengkap dan terancang dengan mengintegrasikan Terapi Seni, Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian dan elemen Empat Faktor Teori Transisi Schlossberg (1981) serta mempunyai objektif yang ingin dicapai dalam setiap aktiviti. Modul ini dibahagikan kepada tujuh sesi iaitu Teroka Diri, Penyesuaian Diri, Matlamat Diri, Strategi Diri, Mantap Diri, Kuasai Diri dan Jaya Diri. Modul ini dikenali sebagai Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian.

1.9.2 Terapi Seni

Terapi seni melibatkan imej seni yang dapat membantu untuk memahami diri sendiri, meluahkan perasaan dan idea yang tidak dapat dizahirkan dalam bentuk perkataan serta mempertingkatkan kehidupan melalui ekspresi sendiri. Terapi seni dikenali sebagai satu kaedah rawatan dan modaliti untuk memahami diri, perubahan emosi, dan perkembangan diri (Malchiodi, 2007). Terapi seni merupakan kombinasi dua disiplin ilmu iaitu seni dan psikologi yang merangkumi seni visual, proses kreatif, pembangunan manusia, tingkah laku, personaliti dan kesihatan mental.

Kajian ini melibatkan aktiviti penghasilan seni seperti melukis, mewarna, membentuk tanah liat, penghasilan video kreatif, dan kolaj dalam proses kaunseling kelompok berasaskan terapi *brief* fokus penyelesaian terhadap pelajar yang mengalami penyesuaian rendah. Terapi seni diaplikasi untuk meneroka dan memahami bentuk-bentuk pengalaman penyesuaian dan isu penyesuaian yang dihadapi pelajar dalam bentuk imej yang konkrit. Terapi seni berperanan sebagai alat dalam proses kaunseling bagi membantu pelajar meluahkan dan menzahirkan pengalaman penyesuaian mereka yang mewakili minda bawah sedar. Dalam kajian ini, kaunselor tidak menginterpretasi hasil seni klien.

1.9.3 Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian

Terapi *brief* fokus penyelesaian adalah satu proses yang membantu manusia berubah dengan mengstruktur penyelesaian daripada memikirkan tentang masalah. Jangka masa pengendalian proses terapi *brief* fokus penyelesaian ini lebih pendek daripada psikoterapi berbentuk tradisional. Dua elemen terapeutik dalam terapi *brief* fokus penyelesaian ialah keinginan masa depan yang berbeza, tindakan yang perlu dilakukan untuk mencapai sesuatu yang diinginkan, mewujudkan gambaran terperinci tentang kehidupan yang lebih baik dan membolehkan penyelesaian berlaku.

Justeru, kajian ini melaksanakan proses kaunseling kelompok dengan mengaplikasi prinsip dan teknik-teknik terapi *brief* fokus penyelesaian seperti soalan ajaib, soalan pengecualian, soalan berskala dan pujian. Teknik-teknik ini diaplikasi bagi membantu dan mendorong pelajar yang mempunyai penyesuaian rendah melihat potensi mereka pada masa depan, berupaya mengenal pasti sumber sokongan, dan merangka strategi untuk bertindak serta membuat perubahan yang lebih positif ke arah mencapai kesejahteraan psikologi.

1.9.4 Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian

Menurut Riley dan Malchiodi (2012), terapi seni *brief* fokus penyelesaian merupakan gabungan aktiviti terapi seni dan pendekatan fokus penyelesaian yang dapat mempercepatkan perubahan terapeutik melalui intervensi spesifik dan ekspresi kreatif. Terapi seni *brief* fokus penyelesaian bertujuan untuk meneutralkan *resistance* bagi membolehkan klien membuat perubahan. Menurut Selekmann (2010), aktiviti terapi seni menyokong pendekatan terapi *Brief* fokus penyelesaian dalam rawatan kerana dapat mengurangkan rasa terancam dan meningkatkan hubungan antara kaunselor dan klien. Matto et al. (2003) menyatakan bahawa terapi seni merupakan

cara untuk mengoperasikan teknik terapi *brief* fokus penyelesaian, membolehkan penglibatan pelbagai deria termasuk modaliti visual dan motor.

Maka, dalam kajian ini terapi seni *brief* fokus penyelesaian merupakan integrasi antara aktiviti terapi seni dan terapi *brief* fokus penyelesaian dalam membantu pelajar membuat perubahan terhadap masalah penyesuaian yang dihadapi dalam keadaan tidak terancam dan mengurangkan *resistance*. Aktiviti terapi seni seperti mewarna, melukis, membentuk tanah liat dan kolaj menyokong pendekatan *brief* fokus penyelesaian untuk membantu mempercepatkan pemikiran dan memori pelajar agar dapat mempercepatkan perubahan terapeutik. Terapi seni *brief* fokus penyelesaian dalam kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kaunseling kelompok.

1.9.5 Penyesuaian Pelajar

Menurut Haber dan Runyon (1984), penyesuaian berlaku apabila individu semakin biasa dengan sesuatu keadaan atau belajar untuk hidup dalam keadaan itu. Individu yang dapat berkembang dengan baik dalam sesuatu keadaan yang tidak dapat diubah bermakna telah membuat penyesuaian. Proses penyesuaian merupakan cara individu cuba menangani tekanan, konflik dan kehendak (Julia & Veni, 2012). Penyesuaian pelajar di universiti dilihat melalui pencapaian akademik dan perkembangan diri (Maria Chong & Habibah, 2009). Menurut Baker dan Siryk (1984, 1999) penyesuaian pelajar di insitut pengajian tinggi melibatkan empat dimensi iaitu akademik, sosial, peribadi-emosi dan komitmen institusi yang mempunyai darjah tuntutan yang berbeza. Penyesuaian akademik merujuk kepada tuntutan pendidikan yang meliputi aspek motivasi (sikap dan motivasi terhadap matlamat dan tugas akademik), aplikasi (sejauh mana motivasi ditunjukkan dalam usaha akademik atau kejayaan pelajar memenuhi keperluan akademik), prestasi (keberkesanan fungsi

akademik), dan persekitaran akademik(kepuasan terhadap persekitaran akademik). Penyesuaian sosial pula meliputi tuntutan terhadap aspek penglibatan aktiviti sosial, hubungan dengan orang lain di kampus, hubungan dengan ahli keluarga dan orang penting dalam kehidupan setelah berjauhan dengan mereka dan kepuasan terhadap persekitaran kolej kediaman dan aktiviti kokurikulum. Dimensi peribadi emosi adalah merujuk kepada tuntutan daripada aspek kesejahteraan psikologi dan fizikal. Tuntutan yang perlu dipenuhi daripada aspek psikologi ialah kestabilan emosi, pengawalan perasaan dan fikiran, tekanan dan kebimbangan. Tuntutan yang dihadapi pelajar daripada aspek fizikal pula ialah kecergasan fizikal, waktu tidur, selera makan dan berat badan. Dimensi seterusnya ialah komitmen matlamat/perapatan institusi yang merujuk kepada kepuasan terhadap pendidikan secara umumnya dan IPG tempat belajar secara khususnya yang dinilai berdasarkan komitmen pelajar terhadap matlamat pendidikan dan institusi, dan kualiti hubungan yang terbina antara pelajar dan IPG.

Berdasarkan pendapat di atas, penyesuaian pelajar dalam kajian ini merujuk kepada proses pelajar menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu di Institut Pendidikan Guru yang memerlukan mereka menangani tuntutan dari aspek akademik, sosial, peribadi-emosi dan komitmen institusi. Penyesuaian pelajar dalam kajian ini diukur berdasarkan persepsi pelajar terhadap keupayaan mereka menyesuaikan diri di Institut Pendidikan Guru dengan menggunakan Soal Selidik Adaptasi Pelajar (Baker & Siryk, 1999) (Baker & Siryk, 1999).

1.9.6 Pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia


Pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia merupakan bakal guru yang diwajibkan menjalani latihan perguruan untuk memberi pendedahan berkaitan tugas, tanggungjawab dan peranan seorang guru di sekolah (Kennedy, 2008).

Dalam kajian ini, pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia adalah merujuk kepada bakal guru yang sedang menjalani Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru selama setahun secara sepenuh masa. Pelajar ini merupakan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berumur dalam lingkungan 18 tahun hingga 20 tahun.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini. Kajian ini adalah untuk membina Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian yang mengintegrasikan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian, aktiviti Terapi Seni seperti mewarna melukis, membentuk tanah liat, kolaj, dan elemen empat faktor Teori Transisi iaitu situasi, diri,

sokongan dan strategi. Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian sebagai intervensi untuk meningkatkan penyesuaian pelajar PPISMP di Institut Pendidikan Guru yang merangkumi empat dimensi penyesuaian iaitu akademik, sosial, peribadi-emosi dan komitmen institusi. Dalam kajian ini, Modul Terapi Seni *Brief* Fokus Penyelesaian sebagai pemboleh ubah bebas manakala penyesuaian adalah pemboleh ubah bersandar.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai limitasi yang akan mempengaruhi interpretasi dan generalisasi yang dibuat. Pertama, limitasi kajian ini ialah kaedah rawatan. Kajian ini menggunakan kaedah kaunseling kelompok berdasarkan pendekatan Terapi *Brief* Fokus Penyelesaian. Justeru, proses kaunseling kelompok yang dijalankan adalah berdasarkan pendekatan tersebut. Aktiviti dan pelaksanaan adalah mengikut perancangan seperti yang terkandung di dalam modul yang telah disahkan oleh pakar.

Limitasi seterusnya ialah aplikasi aktiviti terapi seni yang digunakan dalam kajian ini. Antara aktiviti terapi seni yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah melukis, mewarna, membentuk tanah liat, dan membuat kolaj. Aktiviti seni kreatif disesuaikan untuk meningkatkan penyesuaian. Pengkaji juga telah menjalani kursus dan latihan berkaitan integrasi seni kreatif dan kaunseling secara profesional.

Selain itu, kajian ini berfokuskan kepada pelajar PPISMP Semester Satu di IPG yang berumur dalam lingkungan 18-20 tahun. Pelajar ini dipilih berdasarkan Baker dan Siryk (1984) bahawa pelajar akan mengalami masalah penyesuaian setelah tiga bulan berada di persekitaran belajar yang baharu. Selain itu, kajian ini hanya melibatkan pelajar yang mempunyai tahap penyesuaian rendah.